

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**TARIKH : 27.05.2015 (RABU)**

**DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bilangan Kedai Rakyat 1Malaysia dan perbelanjaan untuk projek tersebut.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Sehingga kini, sebanyak 162 buah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah dibangunkan di seluruh negara. Kerajaan memperuntukkan dana bagi kos infrastruktur dan prasarana KR1M yang meliputi kos pengubahsuaian premis serta peralatan berkaitan. Kos bagi setiap KR1M adalah berbeza-beza mengikut saiz keluasan dan lokasi premis. Perbelanjaan Kerajaan bagi program KR1M sehingga kini adalah sebanyak **RM 72,294,781.06**.